

CNS3618

U GB 16-08 00163 BH558

BAH

Mahathir - Standard

TERIMA MUTU ANTARABANGSA SEBAGAI CABARAN, KATA DR MAHATHIR

(EMBARGO: Untuk Siaran Selepas Pukul 11 Malam Ini)

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu para pengeluar tempatan mengangap syarat-syarat mutu antarabangsa sebagai cabaran yang mesti diatasi sebagai usaha membuktikan bahawa mereka mampu bersaing dengan pengeluar terbaik antarabangsa.

Untuk itu, kata Perdana Menteri, sudah tiba masanya bagi mereka (pengeluar tempatan) menerima standard antarabangsa sebagai standard nasional.

Langkah seumpama itu perlu diambil bagi memastikan pembeli antarabangsa mendapat jaminan bahawa setiap barangan yang mempunyai label "Diperbuat Di Malaysia" berkualiti tinggi, katanya ketika berucap pada jamuan malam sempena Pameran Persatuan Pencipta dan Pereka Malaysia (Mindex) di sini, malam ini.

"Label Diperbuat Di Malaysia yang dipasang pada barangan buatan Malaysia hendaklah menjadi jaminan kepada pengguna seluruh dunia bahawa barangan itu berkualiti tinggi," katanya.

Ini kerana apabila label itu sudah diterima, separuh daripada masalah pemasaran sudah diatasi, katanya. -- lagi.

▼16/08/21-06MSI

U GB 16-08 00179 BH559

BAH

Mahathir - Standard 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Justeru itu, katanya, kos yang tinggi pada peringkat awal untuk menentukan barangan Malaysia mempunyai standard yang tinggi wajar dan menguntungkan.

Dalam hal ini, Perdana Menteri turut mencadangkan agar mereka yang cuba mengeluarkan dan mengeksport barangan yang "sub-standard" dihalang dan dihukum kerana menjejaskan kredibiliti barangan lain dari Malaysia.

Di samping itu, pencipta dan pereka perlu sentiasa berwaspada dan menerima ujian yang ketat bagi segala ciptaan mereka kerana apa yang dikehendaki ialah penerimaan dunia terhadap barangan Malaysia sebagai bermutu dan menepati diskripsi, katanya.

"Mungkin Sirim (Institut Standard dan Penyelidikan Malaysia), yang setakat ini memainkan peranannya menentukan mutu pengeluaran barangan tempatan akan terus mengkaji dan meningkatkan standard yang ditetapkan dan diberi kuasa ke atas kelayakan barangan untuk eksport."

Mengenai wawasan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020, Dr Mahathir berkata, pemindahan teknologi sahaja tidak cukup kerana rakyat negara ini perlu tahu memanfaatkannya dan lebih penting lagi menggunakan teknologi itu untuk penggunaan baru atau membuat inovasi dan hasil yang lebih baik. -- lagi.

▼16/08/21-17MSI

BAH

Mahathir - Standard 3 Kuala Lumpur (Embargo)

"Akhirnya kita akan dapat mencipta teknologi dan rekaan yang betul-betul tulen atau asli. Apabila kita sampai ke tahap ini maka kita akan benar-benar menjadi negara maju."

Dr. Mahathir bagaimanapun berkata, sebelum tahap itu dapat dicapai, pengeluar Malaysia perlu menjalankan penyelidikan dan pembangunan barangan (R&D) selaras dengan permintaan pasaran dalam dan luar negara kerana usaha itu akan lebih menguntungkan.

Ini perlu dilakukan bagi memastikan barangan atau teknologi yang dihasilkan memenuhi keperluan pengguna, katanya, sambil menekankan tentang pentingnya cara untuk memperniagakan rekacipta hasil R&D dijadikan satu daripada kecekapan pengurusan supaya tidak menjadi sia-sia sahaja.

Perdana Menteri juga menyentuh mengenai kelemahan rakyat tempatan dalam bidang rekabentuk keluaran industri yang terbukti daripada ketidakupayaan merekacipta barangan yang boleh dikaitkan dengan identiti Malaysia.

Sambil menekankan tentang pentingnya kecekapan membuat prototaip bagi menarik perhatian dan keyakinan pelabur beliau juga mengingatkan bahawa perbelanjaan yang mencukupi untuk prototaip yang baik bukan satu pembaziran.

-- lagi.

▼16/08/21-27MSV

CNS3642

U GB 16-08 00162 BH561

BAH

Mahathir - Standard 4 (Akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

"Langkah begini perlu bukan untuk pasaran antarabangsa sahaja tetapi juga untuk pasaran tempatan kerana rakyat Malaysia kini ialah masyarakat yang lebih tinggi tahap kesedaran dan pendedahan mereka."

Dr. Mahathir berkata, kerana itu, pengeluar tidak boleh lagi menganggap pengguna Malaysia sebagai pengguna kelas dua berbanding dengan pengguna antarabangsa berdasarkan kepada kemahuan mereka menuntut barangan dan perkhidmatan yang bermutu setanding dengan nilai yang dibayar.

"Sebenarnya masyarakat Malaysia lebih kritikal kerana mereka masih menganggap barangan dari luar negeri sebagai lebih baik daripada barangan tempatan."

Ketika menyentuh mengenai perekacipta perneorangan, Perdana Menteri berharap mereka mengambil inisiatif memahami undang-undang yang melindungi ciptaan mereka dan sentiasa berwaspada supaya keuntungan tidak dikaut pihak yang tidak bertanggungjawab.

Di samping itu, katanya, mereka juga harus sanggup berkongsi pendapatan daripada rekaan mereka kerana tanpa kecekapan memperniagakan rekaan mereka dan tanpa teknologi pengeluaran, ciptaan mereka tidak akan mendatangkan hasil. -- Bernama.

JO KAM.